

Isteriku Tinggal di dalam Televisyen

Bayangkan suatu malam pulang dari kerja dan menyedari isterimu telah hilang. Mungkin kamu akan berkata, 'Itu tidak mungkin.' – tetapi hal ini betul-betul berlaku kepada seorang kawanku.

"Pada mulanya, aku tidak tahu ada sesuatu yang tidak kena," katanya.

Hujan baru sahaja berhenti saat dia sampai di rumah. Kawanku meninggalkan payungnya yang basah di tepi blok dan membuka kunci pintu pagar. Bau sedap menegurnya. Sesuatu yang enak dan mengundang selera makan.

"Assalamualaikum," ujarnya lantang, menjangkakan balasan isterinya.

Senyap. Kecuali bunyi televisyen.

'Mungkin isteriku sedang di bilik mandi,' fikirnya.

Kawanku membuka kasutnya. Angin bertiup dan titisan air masuk ke dalam rumah. Sambil mengeluh, dia menutup pintu dan menyapu air dari lantai kayu dengan sarung kakinya. Isteri kawanku tidak suka apabila mendapati lantai basah.

"Ia akan meninggalkan tanda," katanya.

'Jika demikian, mengapa kamu memilih lantai kayu? Bukankah jubin asli yang dikeluarkan oleh HDB sudah cukup baik?' – kawanku ingin berkata, tetapi sudah tentu, fikiran itu disimpan di dalam hati.

Dia tahu seperti apa jenis isterinya: seorang suri rumah kesempurnaan. Isterinya sentiasa memastikan rumah mereka kemas dan bersih, seolah-olah diangkat dari halaman majalah *Home & Decor*. Segala-

galanya mesti cantik dan tidak setitik pun debu pada perabot. Tetapi berkahwin dengan jenis perempuan ini, kawanku terpaksa membuat beberapa pengorbanan, seperti impiannya untuk memelihara kucing. Apa yang dia boleh lakukan? Dalam hidup, semua orang mesti *give and take*. Bertolak ansur.

Kawanku pergi ke meja makan dan mengambil pandangan sepintas lalu. Ayam goreng kunyit, rendang, dan kangkung belacan. Terdapat juga semangkuk sup dihias dengan sayur asam.

Pada masa itu, dia tidak menanyakan mengapa segala-galanya hanya disiapkan untuk satu bahagian. (“Aku hanya menyedari hal ini beberapa hari kemudian,” katanya.)

Tidak jauh, televisyen menunjukkan ramalan cuaca. Saluran Suria berkata malam itu terdapat kebarangkalian yang tinggi akan ada hujan lebat dan ribut petir .

Hujan, hujan, hujan. Hujan sepanjang hari.

Hujan pada masa ini hanya membuatkan udara panas dan lembap. Kulit terasa melekit. Sambil menggaru-garu tengkuk lehernya, kawanku memutuskan untuk mandi.

Dia menuju ke bilik tidurnya. Bilik itu sangat tenang. Kawanku pun yakin bahawa isterinya pergi keluar. Dia membuka tali lehernya dan meletakkannya di atas meja di sebelah katil. Ditanggalkan pakaiannya satu demi satu, dan dimasukkan ke dalam bakul dobi. Saat dia membuka pintu bilik air, wap panas menghembus di wajahnya.

‘Ah, isteriku belum lama meninggalkan rumah.’

Kawanku menghidupkan paip mandi dan membiarkan air suam

menghanyutkan keletihannya. Jari-jarinya mengurut syampu di rambutnya manakala dia mengingat apa yang telah berlaku di pejabat.

Mesyuarat awal minggu yang panjang, menjangkau hingga waktu makan tengah hari. Selepas itu, dia tergesa-gesa menyelesaikan laporan sehingga masa minum petang pada pukul empat.

'Aku benci hari Isnin,' keluhnya.

Kawanku mencapai sabun dan menyapunya di dada. Dia teringat perbualan antara rakan-rakan sekerja yang didengarnya semasa rehat. Sekumpulan wanita berkumpul di dalam pantri tidak jauh dari mejanya.

"Sakit kepala bila fikirkan tentang anak aku. Dia tidak pernah belajar," salah seorang daripada mereka mengeluh. "Main, main, main. Setiap hari main *game*. Sepanjang masa pula."

"Bila dia ambil PSLE?"

"Tahun ini... Sebab itu, mungkin aku perlu menghantar dia untuk tuisyen."

"Mahal tak?"

"Itulah..." wanita itu mengeluh, "mahal sekali..."

Mendengarnya, untuk seketika, kawanku bersyukur. Dia tidak perlu bimbang menghantar anak untuk tuisyen, sebab isterinya tidak dapat memberinya anak. Dia faham masalah ini sebelum mereka bertemu. Kakak isterinya, yang juga kawan sekolah menengahnya, yang memberitahu.

"Adikku baru sahaja lulus dari NUS," kata kawan baiknya itu. "Dia gadis yang baik hati, sopan, dan rajin. Satu-satunya perkara adalah dia mempunyai jantung yang lemah. Dia tidak dapat melahirkan anak."

Kawankku membuka pancuran untuk membilas sabun.

Sebenarnya, selepas mendengar tentang perkara itu, dia tidak berasa ingin berjumpa dengan adik kawannya. Bagaimanapun, dia membayangkan hidupnya mengikuti corak yang biasa: berkahwin dan mempunyai dua orang anak, sebaik-baiknya seorang lelaki dan seorang perempuan. Tetapi dia tidak mahu merosakkan persahabatannya, jadi dia pergi menemui gadis itu hanya sekadar untuk menunjukkan kesopanan.

Kesan pertamanya... adik kawannya itu biasa saja. Gadis itu tidak hodoh, tetapi tidak pula cantik. Tiada satu pun ciri-ciri fizikal yang menonjol dan dia begitu malu-malu. Kawanku sukar untuk berbual dengannya, dan mendapati dirinya kehabisan topik dan mula bertanya soalan bodoh.

Tetapi, selepas beberapa saat, gadis itu mulai banyak bercakap dan kawanku mendapati sebenarnya mereka boleh berbual bagus. Keduanya belajar perakaunan di universiti, dan kedua-duanya menyukai filem *noir* dan muzik 70-an. Apabila gadis itu tersenyum, dia kelihatan sangat manis.

Pada akhir malam, mereka bertukar nombor telefon. Hubungan pun berlangsung, dan selepas beberapa pertemuan, keduanya berkenalan dengan keluarga masing-masing. Mereka mengikut undian flat HDB dan bernasib baik pada percubaan yang kedua. Pangsapuri yang didapat tidak seluas yang kawanku mahu, tetapi kawasannya tenang dan boleh berjalan kaki dari Stesen MRT Sengkang.

Begitulah cerita kehidupan kawanku itu.

Secara keseluruhan, dia cukup bahagia.

Kawanku menutup paip air dan mengambil tuala. Saat mengeringkan diri, dia menatap wajahnya di cermin. Garis-garis halus telah terbentuk pada

dahinya.

‘Tidak terasa masa berlalu, dan tiba-tiba aku mendapati diriku telah menjadi seorang lelaki pertengahan umur,’ keluhnya.

Keluar bilik mandi, dia menukar kepada pakaian rumah; seluar pendek dan kemeja-T pudar, cenderahati daripada rakan sekerja yang berbulan madu di Bali. Ilustrasi hitam putih *Monkey Forest* di kemeja-T itu hampir tidak ternampak kerana terlalu kerap dibasuh. Di lengan kanannya, terdapat dua lubang kecil, tetapi apabila isterinya menyuruhnya membuang kemeja-T itu, dia tidak mahu.

“T-Shirt ini adalah pakaianku yang paling selesa,” katanya.

Menyedari suaminya tidak akan berubah fikiran, isterinya menampal dua lubang itu dan dari jauh, ia tidak boleh dilihat.

“Kau tahu, isteriku benar-benar jenis suri rumah,” katanya.

‘Jenis suri rumah? Adakah perkara seperti ini?’

Kawanku sebenarnya berasal dari Kuching. Selepas tamat universiti, dia datang ke Singapura untuk bekerja. Walaupun dia tidak akan mengaku, seringkali dia berasa sunyi.

Selepas kawanku berkencan, isterinya sering datang ke flat sewaan untuk memasak dan membersihkan. Kehadirannya membawa kehangatan yang amat dirindukan kawanku.

Ketika dia masih tinggal di kampung halamannya, kawanku telah berkencan dengan beberapa orang perempuan. Tetapi, jika kita bercakap tentang isterinya, kawanku adalah teman lelaki pertamanya. Menakjubkan, bukan? Baru kali ini aku mendengar seseorang yang berkahwin dengan

teman lelaki pertamanya.

Jam dinding berdering, menunjukkan pukul sembilan. Kawanku merasakan perutnya bergemuruh, dan dia memutuskan untuk makan tanpa menunggu isterinya.

Semasa dia makan, televisyen menunjukkan program berita malam.

Seorang pengarah syarikat tersangkut mencuba merasuah pegawai cukai. Seorang remaja bunuh diri di Bukit Panjang. Seorang pencuri masuk ke Krematorium Mandai dan mencuri mayat.

'Betul ke? Mayat?'

Dia meminum supnya.

'Malam sudah begitu lewat, mengapa isteriku belum pulang?'

Isteri kawanku bukan seorang yang pandai bergaul. Dia tidak bercakap dengan jiran-jiran. Setiap kali kawanku mengajaknya keluar, dia berasa tidak selesa, walaupun hanya perjalanan ke NTUC FairPrice atau 7-Eleven dekat rumah. Sebab itu, tidak biasa untuk isterinya keluar sendirian sekian lama.

'Ah, tidak apa. Singapura itu aman,' fikirnya.

Kawanku terus menghabiskan makan malamnya.

Sebenarnya, dia suka jalan-jalan keluar, tetapi dia tidak ingin isterinya tidak selesa. Kerana itu, akhirnya dia pergi ke pawagam dan makan keluar sendiri.

Pada mulanya, kawanku tidak suka berjalan sendiri di tempat-tempat di mana orang biasanya datang dengan orang lain. Dia hampir dapat merasakan bahawa orang-orang merenung, tertanya-tanya, dan berbisik.

'Mengapa laki-laki itu datang sendiri?' Tetapi selepas beberapa masa,

kawanku tidak peduli. Pergi sendirian, dia tidak perlu bimbang tentang apa yang orang lain mahu. Dia boleh makan apa-apa yang dia suka, dan melihat filem yang sama beberapa kali. Jika dia benar-benar mahu mengajak seorang kawan, dia boleh meminta salah seorang rakan sekerja di pejabat.

Kawanku membersihkan meja dan meninggalkan pinggan dan mangkuk yang kotor di dalam singki. Apabila dia berada di dapur, angin yang kuat masuk dan membuka langsir. Kawanku menutup semua tingkap.

Kelihatannya benar-benar akan hujan lebat. Mudah-mudahan isteriku kembali sebelum hujan bermula.

Dia kembali ke ruang keluarga dan berehat di atas sofa sambil menonton televisyen yang menayangkan drama keluarga. Pelakon wanita drama itu menangis kerana suaminya berasmara dengan wanita lain.

Klise. Lakonannya pun tidak meyakinkan.

Kawanku kembali ke bilik tidur, meninggalkan televisyen yang masih hidup.

“Mengapa tidak kamu matikan televisyen itu?” tanyaku.

Ternyata, isterinya berkeras untuk membiarkan televisyen hidup sepanjang masa, walaupun mereka sedang tidur atau tidak di rumah. Ini tentunya tidak biasa bagi seseorang yang berjimat-cermat seperti isterinya, sehingga kawanku pun bertanya, “Mengapa tidak boleh dimatikan jika tiada siapa yang menonton?”

“Bunyi televisyen ini menenangkan aku,” kata isterinya. “Adakah kamu risau jika aku membiarkannya hidup?”

Isterinya tidak pernah meminta sesuatu apa pun sebelumnya, jadi dia

memutuskan untuk menuruti keinginan wanita itu. Ini hanya perkara kecil dan isterinya telah bekerja menjaga rumah dengan baik.

Kawanku melihat jam penggera di atas meja di sebelah katil. Sudah hampir pukul 10. Dia merasa letih, padahal biasanya dia menghabiskan satu jam untuk membaca buku sebelum pergi tidur. Tetapi pada malam itu, kawanku ingin cepat-cepat berehat.

Terdengar bunyi ketukan di tingkap. Titisan air mengalir di panel kaca.

'Mungkin aku merasa letih kerana hujan. Hujan membuatkan orang mengantuk.'

Kawanku naik ke atas katil dan tidak lama kemudian, hanyut ke dalam mimpi.

Jam penggera menjerit tepat pada pukul 6:00 pagi. Kawanku membuka mata dan memandang bantal di sebelahnya. Kosong. Tidak ada satu pun lipatan.

Kawanku mengheret kakinya ke bilik air dan menyimbah air sejuk pada wajahnya. Saat itu, dia berbau wangi sesuatu yang lazat.

'Ah, isteriku sedang menyediakan sarapan di dapur.'

Kawanku menggosok gigi dan bercukur. Selepas mandi kerbau, dia keluar dengan tuala terikat di pinggangnya. Dia mengeluarkan baju putih dan seluar kelabu gelap dari almari pakaian. Semua pakaiannya telah digosok dengan sempurna. Diambilnya tali leher biru dari laci. Tidak lama kemudian, kawanku keluar dari biliknya berpakaian kemas, bersedia untuk bekerja, walaupun rambutnya masih lembap dari bilik mandi.

Pagi itu, sarapan pagi adalah dua keping roti bakar dihiris tebal dan

dihidangkan dengan kaya. Sebelahnya, ada sepinggan sosej mini, segelas jus oren, dan akhbar *Berita Harian*. Tetapi isterinya masih tidak kelihatan.

'Keluar lagikah? Tetapi bukannya masih terlalu awal untuk keluar?'

Kawanku menarik kerusi untuk duduk. Ini adalah kali pertama sejak mereka berkahwin di mana isterinya tidak berada bersama semasa sarapan. Biasanya, saat kawanku makan pagi, isterinya akan sibuk mencincang dan mencuci bahan makanan. Isterinya pandai menggunakan pisau, dan kawanku suka mendengar bunyi pesat logam tajam memukul landas cincang kayu.

Kawanku melibas akhbar sambil mengunyah roti bakar. Sebuah pesawat hilang bersama-sama dengan beratus-ratus orang penumpang. Kebakaran kecil berlaku di sebuah kilang di Jurong. Seorang anak kecil lemas di dalam kolam renang sebuah kondominium. Artikel tentang perkahwinan hantu Cina, adat lama menjodohkan lelaki yang mati sebelum berkahwin dengan mayat wanita yang juga belum berkahwin supaya mereka tidak merasa sunyi di akhirat. Mungkin artikel ini ditayangkan sebab ada kes pencurian mayat semalam.

Pada pukul tujuh setengah, kawanku meninggalkan rumahnya dan menuju ke pejabatnya di Raffles Place. Laporan pagi, mesyuarat, dan banyak lagi laporan. Kerjanya tidak pernah berakhir.

Kawanku meninggalkan pejabatnya pada pukul tujuh malam. Sama seperti sehari sebelumnya, hujan turun dengan lebat. Payung lipatnya yang kecil tidak cukup untuk melindungi dari hujan. Hujung seluarnya basah, tetapi apa nak buat? Saat bersesak dengan orang ramai di MRT, kawanku berfikir tentang makan malam lazat yang menunggunya.

Selepas satu jam perjalanan, kawanku sampai di rumah. Dia membuka pintu dan memberi salam. Sekali lagi, perkara yang sama berlaku. Isterinya tidak ada, tetapi makan malam telah menunggu di meja. Perlahan-lahan, kawanku merasa bahawa ada sesuatu yang sangat ganjil.

Sekadar itulah yang diceritakannya kepada aku.

Malam itu, kedai kopi tempat kami bertemu begitu sunyi. Salahkan cuaca. Di luar, hujan turun dengan lebat. Kami merupakan satu-satunya pelanggannya. Seorang pelayan membersihkan barangan kaca di belakang kaunter.

Aku berpaling kepada kawanku. “Sebenarnya, aku tidak memahami ceritamu.”

Kawanku melonggarkan tali lehernya. Ada parut lama berhampiran tulang selangkanya. Perlahan-lahan, dia menghirup kopinya. Walaupun di bawah cahaya malap, aku boleh melihat lingkaran hitam di bawah matanya.

Pada mulanya, aku ingat bahawa kawanku sedang bergurau. Tetapi semakin lama aku mendengar ceritanya, semakin yakin bahawa hal itu benar-benar terjadi.

“Jadi, kamu tidak pernah melihat isterimu, tetapi semua kerja-kerja rumah sentiasa siap dengan ajaib.”

“Betul,” jawab kawanku. “Makanan sentiasa tersedia, pakaian digosok dengan baik, dan rumah bersih seperti biasa.”

Aku cuba berfikir logik. “Mungkin isterimu keluar berfoya-foya dengan lelaki lain. Kemungkinan dia terus kembali kerana merasa bersalah.”

Dia menggeleng-gelengkan kepalanya. “Aku yakin isteriku tidak pernah

meninggalkan flat.”

“Apa maksud kamu?”

“Aku fikir fenomena ini sangat pelik. Bagaimana isteriku sentiasa pergi sebelum aku bangun, walaupun aku sudah menetapkan penggera lebih awal. Aku tahu saat tidur, aku tidak mudah untuk bangun, tetapi segala-galanya terlalu pelik,” katanya.

Beberapa hari yang lalu, kawanku berpura-pura sakit saat di pejabat, agar dia boleh pulang awal. Dia bergegas kembali ke flatnya, tetapi isterinya tidak ada di rumah, seakan-akan wanita itu sudah tahu kawanku akan pulang awal.

Aku menatapnya. “Mungkin isterimu tinggal di suatu tempat yang berhampiran?”

“Tidak itu saja,” katanya.

Semalam, kawanku melakukan eksperimen yang lain. Sebelum dia pergi kerja, dia menyelitkan sehelai kertas kecil di antara pintu depan dan dinding. Barangsiapa membuka pintu, kertas itu akan jatuh. Tetapi apabila dia kembali, kertas itu masih ada.

“Mungkin isterimu meletakkannya kembali?” tanyaku.

“Sebenarnya, ada sesuatu yang lain. Isteriku, dia—,” kawanku berhenti berbicara. “Perkara seterusnya yang akan ku cakap benar-benar tidak masuk akal.”

“Katakanlah.” Pada masa itu, aku fikir bahawa tiada apa lagi yang boleh mengejutkan.

“Aku telah menjumpai isteriku.”

Mataku melebar. “Di mana?”

“Di pangsapuri, di dalam televisyen.” Kawanku menatapku. “Ya, isteriku ada di sana. Di dalam televisyen. Dia tinggal di sana. Aku tahu hal ini kedengarannya pelik, tetapi aku bersumpah, isteriku di sana. Aku boleh melihat dia di salah satu saluran.”

Aku diam. Tidak tahu boleh cakap apa.

“Dari mukamu, aku boleh melihat bahawa kamu tidak percaya,” katanya. “Kamu fikir aku gila.”

“Ayuh, kamu terlalu sensitif.”

Kawanku terdiam. Tetapi aku berasa tidak selesa. Dia merenung dan aku tidak pasti apa yang difikirkannya. *Aku perlu berkata sesuatu. Apa sahaja.*

“Berapa lama isterimu telah hilang?”

“Satu minggu setengah. Apabila aku tidur, makanan akan muncul dengan ajaib. Tetapi apabila aku memaksa diri untuk tetap terjaga, tiada apapun yang berlaku.”

Aku tidak pasti apa lagi yang hendak kukatakan. “Sudahkah kamu membuat laporan polis?”

Dia menggelengkan kepalanya. “Mereka tidak akan percaya.”

‘*Aku pun tidak percaya,*’ fikirku. “Tidak ada sesiapa yang mencari isterimu?”

“Tidak. Tiada di kebelakangan ini,” katanya. “Ibu bapa isteriku telah meninggal dunia dan abangnya di Australia. Beliau hanya melawat sekali atau dua kali dalam setahun. Dan seperti yang aku katakan, isteriku bukan jenis wanita yang suka bersosial.”

“Kalau begitu, mengapa kamu beritahu hal ini kepadaku? Mengapa

tidak orang lain?”

Kawanku mengangkat bahu. “Mungkin kerana kamu kawanku yang paling bijak. Saat di sekolah menengah, kamu sentiasa mendapat markah tertinggi. Aku merasa kamu boleh membantuku.”

Cara dia berkata membuatkan aku malu. “Sekarang aku hanya seorang pakar kardiologi biasa. Aku tidak dapat menjelaskan kehilangan seorang secara tiba-tiba.”

“Aku tahu,” katanya sambil menundukkan kepala. “Mungkin aku sudah gila.”

“Jangan bercakap seperti itu. Kamu hanya perlu berkongsi dengan seseorang. Kita pun telah lama tidak berjumpa. Bilakah kali terakhir kita berhubung? Tahun lalu, bukan? Saat perjumpaan sekolah. Ah, aku lupa bertanya, apakah pekerjaanmu sekarang?”

“Tiada apa yang istimewa. *Salesman* bagi syarikat farmaseutikal.”

“Adakah kamu berurusan dengan Hospital...? Itulah tempat kerja aku.”

Dia menggelengkan kepala. “Aku bertanggungjawab bagi jualan eksport.”

“Ah... aku faham.”

“Katakanlah, sudikah kamu membantuku? Televisyenku... bolehkah kamu melihatnya? Aku ingin tahu, jika aku hanya membayangkan kesemua ini. Kamu hanya perlu melihatnya dan beritahu aku apa yang kamu lihat. Itu sahaja.” Dia berhenti sebentar. “Satu permintaan pelik, bukan?”

“Tidak. Aku faham. Berikan alamatmu. Aku akan datang Sabtu pagi ini. Boleh?”

“Ya.”

Kawanku terlihat lega untuk pertama kali. Di membuka begnya dan mengeluarkan sebuah buku nota kecil untuk menuliskan alamatnya. Jika kufikir lagi, mungkin aku bersetuju sedikit terlalu cepat. Aku tidak melihat apa yang akan datang.

Unit kawanku terletak di tingkat lima. Nasib aku, lifnya rosak. Aku dilahirkan dengan kaki kiri sedikit lebih pendek daripada kaki kanan, dan hal itu menyebabkan aku tempang. Sebab itu, aku tidak suka menaiki tangga. Tetapi pada hari itu, aku tidak mempunyai pilihan.

Kembang-kempis, aku menekan loceng pintu rumah kawanku. Dalam beberapa detik, dia datang menemuiku. Entah mengapa, dia kelihatan berbeza. Mungkin kerana pakaiannya. Aku tidak pernah melihat kawanku dalam pakaian rumah.

“Adakah kamu menunggu lama?” tanyaku.

“Tak. Sila masuk,” jawabnya, terlalu bersemangat.

Aku mengikuti kawanku ke dalam flatnya. Di sana, aku melihat televisyen berkenaan yang sedang menyiarkan acara aneka dengan tiga kumpulan artis Mediacorp. Aku berlutut untuk memeriksa televisyen itu. Sebuah televisyen jenama SONY, 31.5 inci, dan tiada sesuatu yang istimewa.

“Aku membelinya di Best Denki,” kata kawanku.

Aku berdiri. “Jadi apa yang mahu kamu tunjukkan?”

Kawanku menukar saluran ke nombor 0, tetapi aku hanya dapat melihat statik.

“Aku tidak melihat apa-apa.”

“Tunggu sebentar.”

Statik mula reda, seperti hujan yang akhirnya terhenti, dan kini ia mendedahkan imej sebuah bilik dengan tingkap kecil. Hanya ada satu katil bujang dengan seorang wanita yang tidur di atasnya, tetapi mukanya tidak jelas.

“Itu sahaja?”

Dia mengangguk.

“Apa yang membuatkanmu begitu pasti dia isterimu?”

“Aku tahu bahawa dia isteriku,” katanya. “Aku tidak boleh menerangkannya, tetapi aku yakin itu dia.”

“Adakah isterimu selalu tidur seperti itu?”

“Betul.”

“Apakah dia masih hidup?”

“Ya, kadang-kadang dia bergerak sedikit. Aku rasa tayangan ini adalah satu aliran hidup.”

Tidak lama, imej itu diputarbelit oleh statik, dan akhirnya ia hilang. Selepas beberapa ketika, statik berkurangan dan imej itu kembali. Seperti hujan yang berterusan semasa musim tengkujuh. Saat kamu fikir ia akan berhenti, ia menjadi lebih lebat.

Aku bersandar lebih dekat dengan televisyen sambil berkata, “Aku tidak pasti jika ada apa-apa yang aku boleh lakukan untuk kamu. Tetapi jika matlamat kamu adalah untuk mengesahkan bahawa kami berdua melihat perkara yang sama, maka aku pastikan, kamu betul.”

Kawanku menatapku. “Katakanlah, adakah kamu masih tinggal bersendirian?”

“Betul.” Aku bergurau, “Mana ada pihak perempuan yang mahu

berkahwin dengan aku. Setiap hari aku bekerja masa yang panjang.”

Walaupun dengan pendapatan yang baik, semua teman wanitaku sentiasa meninggalkanku selepas berhubungan beberapa bulan. “Aku kesunyian,” kata mereka. “Kamu tidak pernah mempunyai masa untukku.” Apa nak buat? Seperti itulah tugasku sebagai doktor. Aku berputus asa mencari seorang isteri. Apabila berasa sunyi, aku bermain-main dengan wanita secara rawak. Tiada ikatan apa-apa. Tiada siapa yang cedera.

“Sebenarnya, jika kamu masih tinggal bersendirian, aku berharap kamu boleh membawa televisyen ini ke rumahmu,” kata kawanku. “Mungkin sesuatu akan berubah jika ia berpindah tempat.”

Secara jujur, sehingga kini aku tidak tahu mengapa aku bersetuju, tetapi itulah yang terjadi. Kami membawa televisyen itu turun ke tingkat pertama, dan memuatkannya ke dalam *MPV*ku. Apabila aku menghidupkan enjin kereta, kawanku memberikan sebuah beg kertas kecil.

“Apa ini?” tanyaku.

“Vitamin,” jawabnya. “Produk baru. Tidak terdapat di pasaran. Kamu nampak penat. Sekurang-kurangnya, inilah yang boleh aku lakukan untuk berterima kasih atas bantuanmu.”

Aku meninjau beg itu dan melihat dua botol plastik yang penuh dengan kapsul putih kecil.

“Ambil satu selepas makan,” katanya. “Percayalah, ia benar-benar baik.”

Aku mengucapkan terima kasih dan memandu laju. Sambil melihat ke arah refleksiku di cermin kereta, aku mendapati bahawa wajahku kelihatan pucat pasi.

‘Salahkan syif malam di hospital. Aku benar-benar memerlukan lebih banyak tidur.’

Di rumah, aku menonton televisyen kawanku setiap kali ada masa lapang. Wanita yang sama, mukanya tidak kelihatan jelas, sentiasa ada, seolah-olah dihukum untuk tidak sedarkan diri seumur hidup. Entah bagaimana, wanita itu berasa biasa, tetapi aku yakin aku tidak pernah berjumpa dengan isteri kawanku.

Kadang-kadang, aku cuba menghubungi kawanku. Tetapi setiap kali aku menelefon, dia memberitahuku bahawa dia sibuk dan cepat-cepat mengakhiri perbualan kami. Selepas beberapa ketika, aku mula mengesyaki jika dia sedang mengelak aku.

Pada masa yang sama, migrain aku menjadi lebih teruk. Aku tidak dapat menumpukan perhatian di tempat kerja. Kertas laporan yang belum selesai bertimbun tinggi. Akhirnya, televisyen kawanku kubiarkan sahaja di sudut ruang tamu, dan aku mula melupakannya.

Satu malam, selepas pembedahan yang meletihkan, aku menonton laporan berita di televisyenku sambil menikmati semangkuk mi segera.

Seorang pengarah syarikat didapati bersalah memberi rasuah. Seorang penjual dadah telah ditangkap; dia hanya seorang remaja yang datang dari keluarga yang baik. Seorang pencuri masuk ke bilik mayat untuk kali kedua, dan kali ini dia mengembalikan mayat yang dicurinya dua minggu lalu. Semuanya kelihatan baik, kecuali jantung mayat itu telah hilang.

Dari banyak kemungkinan, pencuri itu hanya mengambil jantungnya.

Aku tertanya-tanya, adakah dia merancang untuk menjualnya di pasar gelap?

Tetapi kerana dia menggunakan jantung dari mayat, organ itu sepatutnya tidak berfungsi lagi.

Pihak polis mengesyaki kes ini adalah kerja orang yang tidak waras. Laporan berita itu menunjukkan gambar mangsa, tetapi wajahnya kabur. Seorang wanita. Puan A, berumur tiga puluh satu, berkahwin tetapi tidak mempunyai anak. Seterusnya adalah satu temu bual pendek dengan suami si mati.

Dan itulah masa aku terkejut. Muka sang suami telah dikaburkan, tetapi dari kolar bajunya, aku boleh melihat parut lama berhampiran di tulang selangka. Dia memang kawanku! Aku cepat-cepat mencapai telefon dan mendail nombornya. Kawanku yang menjawabnya.

“Aku ni,” kataku. “Aku melihatmu di televisyen... di laporan berita. Aku tidak faham. Isterimu... adakah dia sudah mati?”

Kawanku diam sejenak sebelum dia menjawab, “Bolehkah kamu lupakan saja perbualan kita pada hari itu? Sekarang, masalah ini sudah tidak penting.”

“Apa maksudmu? Sudah tentu ini hal yang penting,” kataku. “Kamu harus menjelaskan semuanya.”

“Sudah kukatakan, hal ini tidak penting lagi.” Suara kawanku kedengaran jengkel. “Maaf, aku tidak boleh bercakap lebih lama. Ada beberapa laporan yang belum kuselesaikan.”

“Apa yang perlu kulakukan dengan televisyenmu?”

“Entahlah. Aku tidak mahu melihatnya lagi. Kamu boleh membuangnya atau menjualnya kepada karung guni. Aku tidak peduli. Lakukan apa sahaja

yang kamu mahu.”

Dia mengakhiri perbualan kami.

Dengan perasaan marah, aku melempar telefonku ke atas sofa.

Tenang. Jangan beremosi. Tiada gunanya meluahkan perasaan.

Aku mendekati televisyen kawanku dan menghidupkannya. Ku tukar ke saluran 0 dan tunggu statiknya berhenti.

Perlahan-lahan, imej di dalam televisyen menjadi lebih jelas. Tetapi ada sesuatu yang berbeza. Katil itu kosong. Aku terkejut dan mendekatkan wajahku ke skrin. Tidak ada kesilapan. Tiada seorang pun di katil itu.

Pelik, beberapa hari lalu, seorang wanita sentiasa ada. Mungkinkah dia mayat isteri kawanku? Aku merasa loya memikirkannya. Statik datang kembali dan aku hanya boleh menonton sementara imej menjadi semakin memutar belit.

Sakit kepala aku memikirkannya. Aku perlukan udara segar.

Aku berjalan ke balkoni, tetapi pintu gelongsor tersekat. Aku memaksa membukanya, tetapi ia tidak bergerak. Ganjil. Pagi ini, ia masih tidak bermasalah.

Letih, aku pergi ke dapur dan curahkan segelas air ais. Ku habiskannya sekali gus dalam satu tegukan. Aku berpeluh. Entah bagaimana, tempat ini terasa tersumbat. Aku melihat sekeliling dan menyedari bahawa semua tingkap tertutup. Patutlah. Aku mencuba membuka salah satu daripadanya, tetapi ia tidak boleh bergerak. Aku cuba satu di sebelahnya, tetapi ini juga, masih ditutup. Aku memukul tingkap dengan sekuat tenaga, tetapi tingkap-tingkap itu tetap ditutup ketat.

Aku kembali ke ruang tamu untuk membuka tingkap di situ. Aku

mencuba membuka mereka satu demi satu, tetapi semua tetap tertutup. Aku berasa terperangkap di dalam apartmenku sendiri.

'Apa yang sedang berlaku? Aku perlu keluar. Sekarang!'

Aku berlari ke pintu depan dan tidak sengaja terhantuk meja. Kuabaikan rasa sakit pada kakiku. Dengan tangan yang berpeluh, aku mencapai tombol pintu dan membukanya dengan kuasa penuh. Pintu menghayun terbuka, dan aku bergegas keluar. Tetapi, aku mendapati diriku kembali ke dalam apartmen.

Hatiku berdegup cepat. Aku berjalan kembali ke dalam ruang tamu. Semangkuk mi segera yang sudah habis dimakan masih ada di atas meja.

'Ya, ini benar-benar apartmenku.'

Cepat-cepat aku berlari keluar melalui pintu, tetapi perkara yang sama berlaku lagi. Aku mencubanya lagi berulang-ulang sehingga aku kehabisan kekuatan.

Aku menjatuhkan diriku ke lantai.

'Ini tidak mungkin. Ini hanya mimpi seram.'

Saat itu, aku mendengar sesuatu. Bunyi statik yang lembut, semakin lama semakin senyap. Aku menoleh dan melihat televisyen SONY 31.5 inci kawanku. Di dalamnya, seorang lelaki sedang tidur nyenyak. Sebuah selimut merah meliputi badannya, tetapi kakinya tidak sepenuhnya tertutup.

Kaki kirinya lebih pendek sedikit daripada kaki kanannya.

TAMAT

(Jumlah perkataan: 3,837)